

**FVGH tetap disenarai di Bursa Malaysia
Utusan Online
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 21 Mac - Penyenaraian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia akan tetap diteruskan walaupun ia diputar belitkan pembangkang yang menjadikannya sebagai 'modal' untuk mengelirukan orang ramai terutama golongan peneroka.

Pengerusi Kumpulan Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, perkara itu dijangka dilaksanakan sekitar Mei atau Jun ini dengan lima buah bank pelaburan iaitu Maybank, CIMB, Morgan Stanley, JP Morgan dan Deutsche Bank telah dilantik bagi menguruskan proses penyenaraian tersebut.

Sambil menolak dakwaan pembangkang yang mengatakan FGVH rugi dan tidak layak untuk disenaraikan, jelas beliau, segala pengauditan berkaitan akaunnya telah dilakukan oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) dan laporannya diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC).

"Rasionalnya, kita tak akan 'listing' (senaraikan) kalau tak cukup syarat. Ini kita yakin FGVH sudah bersedia dan kita mampu mengurusnya setelah berada di pasaran saham nanti. Benda ini mana boleh buat main-main kalau tak yakin.

"Semua dokumen yang diperlukan sudah kita hantar (kepada SC) dan proses penyenaraian berjalan dengan baik. Kita akan penuhi semua keperluan," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di Balai Felda di sini hari ini.

Beliau mengulas dakwaan pembangkang yang mengatakan FGVH tidak layak untuk disenaraikan di Bursa Malaysia kerana mengalami kerugian.

Mohd. Isa berkata, sehingga kini FGVH telah menjalankan perniagaan di 12 negara dan ia mengukuhkan syarikat itu dari segi jaringan global.

"Kita sudah mempunyai rakan niaga di negara luar. Ia penting kerana apabila FGVH nak disenaraikan, kita akan memilih rakan global itu sebagai pelabur. Perkara ini sudah dibincangkan, namun kita masih belum membuat keputusan untuk memilih pelabur berkenaan," ujarnya.

Ditanya mengenai tindakan pihak tertentu membocorkan dokumen sulit berkaitan penyenaraian FGVH kepada pembangkang, kata beliau, Felda akan membuat laporan polis esok bagi membolehkan siasatan lanjut dapat dijalankan.

"Ini sesuatu yang amat dikesali dan memalukan. Kita akan buat laporan polis esok. Harap polis dapat siasat untuk kita ambil tindakan terhadap sesiapa yang bertanggungjawab membocorkan dokumen sulit itu.

"Kita juga sudah buat siasatan dalaman dan meluluskan cara-cara kertas mesyuarat dikendalikan supaya pengawalan lebih ketat dapat dilakukan agar kebocoran dapat dielakkan," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0322&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_13.htm

